

## Rezeki pembaiki bot cecah puluhan ribu ringgit



Ismail menunjukkan bot nelayan yang akan dibaiki pada musim tengkujuh di Teluk Buaya, Pantai Mek Mas, Kota Bharu kelmarin.



Ismail memeriksa bahagian badan bot yang telah dibaik pulih sebelum diserahkan kepada pelanggan di Teluk Buaya, Pantai Mek Mas, Kota Bharu kelmarin.

**KOTA BHARU** - Kebanyakan nelayan mungkin bingung kerana hilang punca pendapatan sepanjang musim tengkujuh, namun bagi segelintir daripada mereka pula mendapat 'rahmat' kerana kepandaian membaiki bot yang rosak.

Perubahan Monsun Timur Laut yang menyebabkan hujan dan laut bergelora memberi rezeki lumayan kepada Ismail Husin, 50, yang mengambil upah membaiki bot nelayan sejak lebih 30 tahun lalu selepas mewarisi pekerjaan tersebut daripada arwah ayahnya, Hussin Yaacob.

Bapa kepada enam anak itu berkata, kebiasaannya nelayan akan mengambil peluang menghantar bot mereka yang mengalami kerosakan untuk dibaiki

pada musim tengkujuh kerana mereka sudah tidak turun ke laut sepanjang tempoh tersebut disebabkan kluatir dengan ombak besar.

"Saya mengenakan kadar upah dengan harga antara RM10,000 dan boleh mencecah sehingga RM70,000 bergantung kepada kerosakan dan saya membaiki bot jenis A, B dan C," katanya kepada pemberita di Teluk Buaya, Pantai Mek Mas di sini kelmarin.

Ismail yang turut dibantu oleh dua pekerjaanya berkata, untuk membaiki sesebuah bot, ia memerlukan kemahiran dan ketelitian yang tinggi.

"Antara jenis kerosakan yang berlaku kepada bot ialah lantai reput, dinding bot yang pecah kerana dihempas ombak, selain

membina anak rumah (dek) baharu.

"Sepanjang musim tengkujuh, saya hanya mampu membaiki dua buah bot kerana sebuah bot mengambil masa sekurang-kurangnya sebulan setengah bergantung kepada kerosakan yang dialami," katanya.

Menurutnya, bagi membaiki kerosakan bot, beliau biasanya akan menggunakan kayu jenis cengal dan seraya hitam berkualiti tinggi yang diperoleh daripada pembekal kayu di kawasan sekitar.

"Sangat penting guna kayu berkualiti tinggi bagi mengelak risiko dan kejadian tidak diingini kepada nelayan seperti bot pecah dilanda ombak ketika berada di laut," katanya. - *Bernama*